

IMPLEMENTASI ADAB DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ

THE IMPLEMENTATION OF ADAB AND ITS IMPORTANCE IN TAHFIZ EDUCATION

Siti Aisyah Johan¹

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²

Siti Nurjanah Mastor Mustafa³

¹Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: g-08032880@moe-dl.edu.my) – *Corresponding Author*

²Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: muhammadtalhah.j@utm.my)

³Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: sitinurjanahmastor@utm.my)

Article history

Received date : 22-9-2025

Revised date : 23-9-2025

Accepted date : 10-10-2025

Published date : 18-11-2025

To cite this document:

Johan, S. A., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Mastor Mustafa, S. N. (2025). Implementasi adab dan kepentingannya dalam pendidikan Tahfiz. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (78), 707 - 721.

Abstrak: Adab merupakan manifestasi kehalusan budi dan ketinggian peribadi yang diangkat tinggi dalam Islam merangkumi seluruh dimensi kehidupan seorang Muslim. Dalam konteks pendidikan khususnya pendidikan tahfiz, adab tidak sekadar menjadi pelengkap kepada ilmu malah menjadi tunjang kepada pembentukan akhlak al-Quran yang luhur. Seiring aspirasi kerajaan dalam memperkasa pendidikan tahfiz demi melahirkan generasi huffaz yang holistik, maka antara elemen penting yang perlu diperkasakan adalah penghayatan adab murid dalam proses menghafaz al-Quran. Justeru, objektif penyelidikan ini adalah untuk menelusuri secara mendalam dan memperincikan kepentingan adab dalam pendidikan tahfiz meliputi perspektif guru, murid dan adab terhadap diri sendiri. Metodologi dalam kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan analisa dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati penerapan adab dalam pendidikan tahfiz dilihat mempunyai kepentingan yang sangat tinggi dalam melahirkan huffaz yang berkualiti. Selain itu, hasil kajian juga merumuskan beberapa pendekatan yang diusulkan oleh penyelidikan terdahulu untuk memperkukuh aspek ini. Implikasi kajian ini diharap dapat menjadi rujukan strategik terhadap semua pihak yang terlibat dalam ekosistem pendidikan Tahfiz dalam memperkasakan penerapan adab untuk pembentukan insan Rabbani.

Kata Kunci: Implementasi Adab, Kepentingan Adab, Pendidikan Tahfiz

Abstract: *Adab (etiquette and moral conduct) represents the refinement of character and the nobility of personality, which are highly emphasized in Islam and encompass all dimensions of a Muslim's life. In the context of education particularly tahfiz education adab is not merely a complement to knowledge but serves as a core foundation in shaping a virtuous character aligned with Quranic values. In line with the government's aspiration to strengthen tahfiz education and produce holistic huffaz, one of the key elements that must be reinforced is the students' internalization of adab throughout the Quran memorization process. Accordingly, this study aims to explore in depth the importance of adab in tahfiz education from the perspectives of teachers, students, and self-discipline. This qualitative research use library research and document analysis methods. The findings indicate that the integration of adab plays a critical role in developing disciplined, ethical, and morally upright tahfiz students, which significantly contributes to the success of Quran memorization. Furthermore, the study summarizes several approaches proposed by previous research to strengthen this aspect. The implications of this study are intended to serve as a strategic reference for all stakeholders involved in the tahfiz education ecosystem in enhancing the inculcation of adab towards the development of a pious and holistic Quranic generation.*

Keywords: *Implementation of Adab, Importance of Adab, Tahfiz Education*

Pendahuluan

Pendidikan tahfiz al-Quran bukan hanya berorientasikan pencapaian teknikal dalam hafazan tetapi turut menekankan aspek pembentukan adab dan akhlak sebagai asas utama dalam melahirkan huffaz yang seimbang dari segi intelek dan sahsiah (Erwahyudin, 2019). Menurut Erwahyudin (2019), elemen adab merangkumi perlakuan sopan terhadap guru, rakan sebaya, ibu bapa dan diri sendiri, di samping menjaga hubungan dengan Allah SWT melalui amalan kerohanian seperti berwuduk, berdoa serta menjauhi maksiat.

Dalam konteks ini adab tidak boleh dianggap sebagai pelengkap semata-mata malah merupakan prasyarat penting yang menyumbang secara langsung kepada kejayaan hafazan, pembentukan rohani dan pembangunan disiplin diri (Muslim, Tumiran, & Zainal Abidin, 2023). Jika ditelusuri kepada sejarah pendidikan tahfiz di Malaysia jelas memperlihatkan perkembangan yang signifikan apabila Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014, sebagai sebahagian daripada agenda Transformasi Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Inisiatif ini bertujuan untuk menyepadukan elemen hafazan al-Quran dengan pendidikan akademik arus perdana di samping memupuk nilai-nilai Islam secara menyeluruh. KBT dimulakan sebagai projek perintis di 15 buah sekolah menengah dan kemudiannya diperluas kepada lebih 100 buah sekolah menjelang tahun 2020 (KPM, 2016). Antara objektif utama kurikulum ini adalah untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja menguasai hafazan 30 juzuk al-Quran tetapi juga berakhlak mulia dan cemerlang dalam bidang akademik.

Kajian oleh Muslim et al., (2023) menegaskan bahawa pembentukan adab dalam pendidikan tahfiz tidak berlaku secara automatik sebaliknya memerlukan proses yang berterusan melalui penghayatan nilai-nilai murni, qudwah hasanah daripada guru (murabbi), serta amalan disiplin yang konsisten. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti pelaksanaan dan penghayatan adab

dalam sistem pendidikan tahfiz serta menilai sejauh mana kepentingannya dalam membentuk huffaz yang berkualiti dari aspek hafazan, spiritual, sahsiah dan pencapaian akademik.

Latipah (2020) menyokong pernyataan ini dengan menyuarakan bahawa perkara ini selaras dengan matlamat pendidikan tahfiz kerana pendidikan al-Quran secara menyeluruh amat menekankan kepentingan pembinaan adab. Dalam konteks ini, masyarakat Islam perlu memahami bahawa al-Quran bukan hanya untuk dibaca dan dihafaz, tetapi juga perlu difahami serta diamalkan dalam kehidupan seharian.

Kajian literatur jelas menunjukkan bahawa integrasi adab dalam pendidikan adalah komponen yang sangat penting dan elemen ini merupakan faktor utama pembentukan huffaz yang berkualiti (Erwahyudin, 2019; Muslim et al., 2023). Namun begitu, kajian semasa menggambarkan bahawa elemen ini masih belum diaplikasikan sepenuhnya dalam institusi tahfiz (Wan Fatimah et al., 2025) walaupun sarjana seperti Imam al-Nawawi telah menekankan tentang keutamaan penerapan adab dalam amalan harian seperti adab terhadap al-Quran, hubungan spiritual, akhlak sosial dan juga penjagaan diri (Zainora et al., 2016a). Tambahan pula, pelaksanaan KBT yang bertujuan menyepadukan hafazan, akademik dan akhlak belum dinilai secara menyeluruh keberkesanannya terhadap sahsiah pelajar (KPM, 2016; Abdul Laatiff et al., 2024).

Isu semasa juga turut menunjukkan kerisauan terhadap masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz seperti buli, merokok, vandalisme serta penglibatan dalam aktiviti sosial yang tidak sihat (Nor Kamariah, 2013; Sinar Harian 2019, 2020; Azrin, 2018), tahap amalan akhlak berada pada aras sederhana tinggi (Wan Fatimah et al., 2025) dan segelintir pelajar kurang melaksanakan amalan sunat seperti tahajud, puasa sunat dan zikir (Zainora et al., 2016b; Santibuaana, 2022; Sharifah Noorhidayah et al., 2021). Selain itu, cabaran dalaman seperti sikap malas (38%), kekangan masa (28%) dan pengaruh teknologi (19%) turut dikenal pasti sebagai faktor yang menjadi penghalang proses murajaah secara konsisten (Hussin et al., 2021). Analisis ini menggambarkan bahawa institusi tahfiz tidak terkecuali daripada isu akhlak dan adab serta perlu kepada intervensi yang bersesuaian. Secara keseluruhannya, impak penerapan adab dalam pendidikan tahfiz adalah amat signifikan kerana ia terbukti menyokong keberkatan hafazan, meningkatkan motivasi intrinsik, memperteguh penghayatan al-Quran, membina keperibadian mulia, serta mampu mewujudkan generasi huffaz yang bermanfaat kepada ummah (Atikah Osman & Siti Aishah Yahya, 2018).

Sorotan Literatur

Menurut Mohamad Rasyidi (2022), proses menghafaz al-Quran menuntut tahap persediaan fizikal dan mental yang optimum bagi memastikan keberkesanan dalam penguasaan hafazan. Pandangan ini adalah berpadanan dengan pendapat ulama terdahulu seperti al-Qabisi (1955) dan al-Nawawi (1996) yang amat menekankan pentingnya kesediaan mental, spiritual dan jasmani seseorang calon huffaz sebelum memulakan pengajian dalam bidang tahfiz al-Quran. Para ulama dalam bidang ini sepakat bahawa disiplin Hifz al-Quran merupakan suatu lapangan yang bersifat istimewa dan suci yang hanya mampu dikuasai oleh individu yang dipilih Allah SWT untuk memelihara kalam-Nya daripada sebarang penyelewengan atau perubahan.

Dalam konteks ini, kualiti seorang huffaz bukan sahaja diukur melalui bilangan ayat yang dihafaz, tetapi juga melalui keupayaan untuk memahami makna dan kandungan ayat-ayat tersebut secara mendalam. Pemahaman ini sewajarnya diterjemahkan dalam bentuk

penghayatan dan amalan seharian sekali gus membentuk akhlak mulia yang mencerminkan nilai-nilai al-Quran. Pandangan ini selari dengan kenyataan Rashidi dan Azhar (2018) yang menegaskan bahawa huffaz yang berkualiti ialah mereka yang bukan sahaja menghafaz tetapi juga memiliki akhlak yang luhur yang dikenali sebagai *khuluqul Quran* iaitu akhlak yang berpaksaan nilai-nilai murni al-Quran.

Hal ini juga bertepatan dengan matlamat utama institusi pendidikan tahfiz adalah untuk melahirkan huffaz yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan tetapi juga terdidik dari aspek sahsiah dan spiritual. Namun, persoalan timbul sejauh mana aktiviti hafazan yang dijalankan di institusi tahfiz benar-benar menyumbang ke arah pembentukan generasi *Hamalatul Quran* yang memiliki akhlak al-Quran dan layak digelar sebagai pewaris sebenar kalam Allah SWT. Dalam hal ini, al-Qabisi (1955) menekankan bahawa pendidikan yang berkesan perlu menjadikan pembentukan adab sebagai matlamat utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini lebih signifikan dalam pendidikan tahfiz yang memerlukan pendekatan menyeluruh dan holistik dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi hafazan, akhlak dan pemahaman agama (Ghazali & Hamzah, 2021). Menurut al-Qabisi (1955) selanjutnya, objektif pendidikan al-Quran adalah untuk mengenal agama dan membina adab, manakala Salleh (2020) menegaskan bahawa gelaran *al-Hafiz* atau *al-Hafizah* hanya wajar diberikan kepada individu yang bukan sahaja menghafaz al-Quran tetapi juga memperlihatkan kefahaman mendalam terhadap agama serta memperagakan keperibadian yang beradab.

Pemupukan adab yang tinggi dalam interaksi pelajar dengan guru memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Sikap menghormati guru dapat dizahirkan melalui pengekangan diri daripada berkelakuan negatif seperti mempertikaikan teguran dan nasihat guru, mengganggu kelangsungan pengajaran, atau berbual sewaktu sesi pembelajaran berlangsung. Tingkah laku sedemikian bukan sahaja mencerminkan kekurangan adab, malah berpotensi mengganggu keberkesanan pemindahan ilmu dari guru kepada pelajar. Dalam konteks ini, nilai “hormat” atau *respect* menjadi asas pembinaan ketaatan serta penghargaan terhadap peranan guru sebagai murabbi. Pelajar tahfiz lazimnya menunjukkan penghormatan melalui amalan bersalaman dan mencium tangan guru sebagai manifestasi nilai adab yang diwarisi (Ariffin et al., 2016).

Selain itu, kajian Rachma Afwani (2024) dari Indonesia juga menunjukkan dapatan bahawa guru memegang peranan penting sebagai contoh teladan dengan memperlihatkan sikap dan tingkah laku yang menggambarkan nilai-nilai etika. Pemberian ganjaran dan pengukuhan positif turut didapati berkesan dalam mengukuhkan tingkah laku baik dalam kalangan murid. Pengintegrasian nilai-nilai etika dalam proses pembelajaran bukan sahaja membentuk sahsiah murid, tetapi juga meningkatkan pencapaian akademik mereka. Kajian ini merumuskan bahawa pelaksanaan strategi beretika dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermanfaat dan produktif serta melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia dan beretika tinggi.

Perkara ini disokong oleh Khaled (2018) dengan menyatakan prestasi pelajar tahfiz pula tidak wajar dinilai hanya berdasarkan pencapaian akademik semata-mata. Sebaliknya, kriteria penilaian juga harus merangkumi aspek sahsiah, khususnya adab terhadap guru yang menjadi tunjang utama kepada kemenjadian pelajar. Oleh itu, definisi kejayaan bagi seorang pelajar tahfiz harus bersifat menyeluruh dan bukan hanya dinilai melalui bilangan ayat al-Quran yang dihafaz tetapi turut mengambil kira tahap pementapan akhlak dan adab sebagai cerminan

keberhasilan pendidikan tahfiz secara holistik. Walau bagaimanapun, jika diperhalusi situasi terkini, kebanyakan institusi tahfiz masih lebih mengutamakan jumlah hafazan yang dicapai berbanding pembangunan keperibadian dan tingkah laku secara menyeluruh.

Di samping itu, wujud juga jurang antara objektif pendidikan tahfiz dengan pelaksanaan sebenar, khususnya dari segi interaksi antara pelajar dengan guru serta adab dalam pembelajaran. Walaupun adab terhadap guru merupakan kunci kepada keberkatan ilmu dan menjadi asas penting dalam pendidikan tahfiz seperti yang ditekankan oleh Ariffin et al. (2016) dan Khaled (2018), namun masih terdapat pelajar yang kurang mempamerkan sikap hormat-menghormati, penghayatan nilai agama dan disiplin diri. Hal ini menunjukkan keperluan untuk melaksanakan pendekatan kurikulum yang lebih menyeluruh dan seimbang. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa sistem pendidikan tahfiz perlu memberi fokus kepada pengintegrasian antara hafazan, adab dan pemahaman mendalam terhadap al-Quran supaya selaras dengan aspirasi ulama terdahulu untuk melahirkan Hamalatul Quran yang mulia akhlak dan berpengetahuan luas.

Implementasi Adab dan Kepentingannya

Keikhlasan Niat

Dalam konteks pendidikan tahfiz, penetapan niat yang tulus ikhlas merupakan asas spiritual yang paling utama. Para pelajar tahfiz dituntut untuk menghafaz al-Quran semata-mata kerana Allah SWT bukan atas dorongan kepentingan keduniaan seperti pengiktirafan sosial atau ganjaran material. Keikhlasan niat ini menjadi pemangkin kepada limpahan keberkatan dan seterusnya memudahkan proses internalisasi hafazan (Aznil Hashim et al., 2014). Beliau menegaskan lagi bahawa kemuliaan dan keagungan kedudukan al-Quran sebagai kalam Ilahi menuntut interaksi yang bukan sahaja berasaskan disiplin ilmu, tetapi juga sarat dengan adab dan penghormatan yang tinggi.

Perkara ini turut disebut Abd Hafiz et al., (2003) bahawa adab dalam interaksi dengan al-Quran tidak boleh dipandang remeh, malah perlu menjadi suatu bentuk etika rohaniah yang terzahir dalam tindakan. Ini merangkumi penetapan niat semata-mata kerana Allah SWT, memegang mushaf dalam keadaan suci dan berwuduk, memilih persekitaran yang bersih dan kondusif, membaca dengan tartil tanpa tergesa-gesa, serta menghayati makna dan kandungan ayat yang dihafaz.

Aznil et al. (2014) turut menekankan bahawa amalan adab dalam pembelajaran tahfiz terbahagi kepada dua dimensi utama iaitu pra-hafazan dan semasa hafazan. Sebelum memulakan hafazan, pelajar digalakkan untuk menyucikan niat daripada unsur riya', memanjatkan doa sebagai bentuk pergantungan total kepada Allah SWT, memuliakan kedudukan al-Quran secara zahir dan batin, serta memperbanyakkan ibadah dan amalan ketaatan sebagai persediaan mental dan spiritual yang holistik. Adab-adab ini berperanan sebagai mekanisme pembinaan jiwa yang bukan sahaja menyokong proses hafazan, tetapi juga menyemai nilai adab dan takwa dalam diri pelajar secara berterusan.

Menjaga Wuduk dan Kebersihan

Pemeliharaan wuduk dan kebersihan diri juga merupakan elemen penting dalam pembentukan disiplin rohani pelajar tahfiz. Keadaan diri yang sentiasa berada dalam kesucian bukan sahaja melambangkan penghormatan terhadap kemuliaan al-Quran sebagai kalam Allah, malah

berperanan dalam menenangkan jiwa dan memfokuskan minda sekaligus mengoptimalkan keberkesanan proses hafazan. Kesucian zahir dan batin ini mencerminkan adab spiritual yang tinggi terhadap al-Quran, di mana kebersihan bukan sekadar tuntutan fizikal tetapi juga simbolik kepada penghargaan terhadap kesucian wahyu Ilahi (Azmil Hashim et al., 2014).

Membaca Doa Sebelum dan Selepas Hafazan

Dalam konteks pembelajaran tahfiz, pelajar amat digalakkan untuk memulakan sesi hafazan dengan doa sebagai manifestasi permohonan pertolongan daripada Allah SWT agar diberi kemudahan dalam menghafaz ayat-ayat suci-Nya. Doa yang dilafazkan selepas hafazan pula berfungsi sebagai ekspresi kesyukuran dan permohonan agar ilmu yang diperoleh kekal terpahat dalam ingatan serta diberkati (As-Syarbini, 2004 & Azmil et al., 2014).

Antara bentuk adab tertinggi yang diamalkan oleh pelajar tahfiz ialah menunjukkan penghormatan mutlak terhadap al-Quran sebagai kalam Ilahi yang agung. Menurut Azmil et al., (2014), sebagaimana ditegaskan oleh tokoh terdahulu Abu Najihat, adab terhadap al-Quran meliputi bukan sahaja aspek spiritual, tetapi juga fizikal dan simbolik. Hal ini termasuk menjaga wuduk, menghadap kiblat ketika membaca atau menghafaz, memelihara kebersihan diri secara menyeluruh dan memastikan aurat sentiasa terpelihara sebagai tanda pengagungan terhadap kesucian kitab suci tersebut.

Menghadap Kiblat Semasa Menghafaz

Menghadap kiblat ketika menghafaz al-Quran merupakan antara adab yang disarankan dalam tradisi pengajian tahfiz sebagai lambang kesungguhan spiritual serta manifestasi penghormatan terhadap kemuliaan al-Quran. Amalan ini bukan sahaja mencerminkan ketundukan kepada arah ibadah umat Islam, malah turut berperanan dalam meningkatkan fokus dan tumpuan pelajar semasa proses penghafalan berlangsung (Abu Najihat, 2002; Al-Nawawi, 1992 & Azmil Hashim et al., 2014).

Menjauhi Maksiat dan Perkara Syubhah

Pelajar tahfiz turut dituntut untuk menjauhi segala bentuk maksiat serta perkara syubhah memandangkan dosa dan amalan yang bercanggah dengan syariat berpotensi menjadi penghalang kepada keberkatan dan kelancaran dalam proses hafazan al-Quran. Selain itu, komitmen terhadap gaya hidup yang bersih daripada unsur yang meragukan merupakan prasyarat penting bagi memastikan kesinambungan hafazan yang berkesan dan mendapat keredaan Ilahi (Azmil Hashim et al., 2014).

Menjaga Pemakanan Halal dan Berkhasiat

Pemakanan yang halal dan berkhasiat amat penting bagi memastikan kesihatan tubuh badan dan kecergasan minda sekaligus menyokong keberkesanan proses hafazan. Sebaliknya, pengambilan makanan yang haram atau syubhah berpotensi memberi kesan negatif terhadap daya hafazan (Al-Ghautsani, 2014; Azmil et al., 2014; Intan Zakiah, 2018; Majdi, 2014).

Bersabar dan Konsisten dalam Hafazan

Sifat sabar dan ketekunan yang berterusan merupakan faktor utama dalam merealisasikan kejayaan proses menghafaz al-Quran. Pelajar tahfiz dituntut untuk mengekalkan kesabaran dalam menghadapi pelbagai cabaran serta meneruskan usaha secara konsisten demi mencapai objektif hafazan yang telah ditetapkan (Azmil Hashim et al., 2014).

Bergaul dengan Golongan Huffaz dan Soleh

Interaksi dengan golongan huffaz serta individu yang berakhlak mulia dapat memberikan dorongan motivasi dan inspirasi yang signifikan kepada pelajar tahfiz. Suasana persekitaran yang kondusif berperanan penting dalam membentuk sikap positif serta meningkatkan semangat mereka dalam proses penghafazan al-Quran (As-Syarbini, 2004; Majdi, 2014; Azmil et al., 2014 & Fathiyah et al., 2018). Dalam konteks pelaksanaan adab sepanjang proses menghafaz, beberapa amalan yang digalakkan termasuklah menghormati guru, memperbanyakkan solat sunat, berinteraksi dengan rakan sebaya yang juga merupakan penghafaz al-Quran, mengamalkan bacaan ayat-ayat yang telah dihafaz dalam solat, serta memilih waktu yang sesuai untuk melakukan hafazan. Hal ini turut disokong oleh Azmil et al. (2014) yang menekankan kepentingan aspek-aspek tersebut dalam meningkatkan keberkesanan proses hafazan.

Menjaga Solat Berjemaah

Pelaksanaan solat berjemaah berperanan penting dalam mendisiplinkan pelajar tahfiz serta memperkukuh ikatan spiritual mereka dengan Allah SWT. Amalan ini bukan sahaja mendatangkan keberkatan dalam kehidupan harian, malah turut mempermudah proses penghafazan al-Quran (Azmil Hashim et al., 2014). Di samping aspek adab yang telah dibincangkan pelajar tahfiz juga diwajibkan melaksanakan amalan-amalan tertentu bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran mereka.

Menghormati Guru dan Rakan Seperjuangan

Penghormatan terhadap guru dan rakan sebaya merupakan adab fundamental dalam pendidikan tahfiz. Sikap hormat kepada guru bukan sahaja membuka pintu keberkatan ilmu tetapi juga memperkukuh asas pembelajaran manakala hubungan harmonis dengan rakan seperjuangan menyumbang kepada mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong (Azmil Hashim et al., 2014). Selaras dengan itu, Mohd Solleh (2013) turut menekankan kepentingan adab seorang penghafaz al-Quran khususnya dalam menjaga akhlak terhadap guru dan ibu bapa.

Dalam konteks pembelajaran tahfiz pelajar digalakkan untuk memelihara hubungan baik dengan kedua-dua pihak tersebut kerana peranan mereka sangat signifikan dalam menyokong proses hafazan. Sokongan berbentuk doa, bimbingan dan teguran daripada ibu bapa dan guru menjadi pendorong utama yang membantu pelajar mengekalkan ketahanan dalam menempuh cabaran pembelajaran sekaligus menuntut pelajar untuk mengekalkan akhlak mulia terhadap mereka.

Cabaran Penerapan Adab dalam Pendidikan Tahfiz

Al-Nawawi, sebagaimana yang direkodkan oleh Zainora et al., (2016a) menekankan kepentingan integrasi antara adab dan amalan dalam kalangan penghafaz al-Quran. Dimensi adab tersebut merangkumi penghormatan terhadap al-Quran, pengukuhan hubungan spiritual dengan Allah SWT, pemeliharaan interaksi sosial yang harmoni, serta penjagaan kesejahteraan diri. Implikasi daripada perkara ini menandakan bahawa aspek adab dan amalan tertentu amat ditekankan dalam konteks pendidikan tahfiz.

Menurut Abdul Laatiff et. al (2024) penggabungan ilmu al-Quran dengan disiplin ilmu agama dan sains ini merupakan strategi holistik ke arah melahirkan barisan ulama profesional yang mampu mengangkat martabat Malaysia sebagai sebuah negara Islam moderat di persada

antarabangsa. Walau bagaimanapun, di sebalik potensi transformasi pendidikan ini, terdapat cabaran berstruktur yang wajar diberikan perhatian serius. Antaranya termasuklah isu sosial yang semakin membarah dan menatijahkan krisis akhlak dalam kalangan generasi muda, termasuk pelajar institusi tahfiz. Fenomena ini menandakan bahawa institusi tahfiz tidak kebal daripada arus permasalahan moral yang melanda masyarakat dan cabaran ini tidak seharusnya dipandang ringan kerana ia berpotensi merencatkan matlamat besar pendidikan Islam secara menyeluruh.

Hal ini juga dijelaskan dalam dapatan kajian oleh Wan Fatimah et al. (2025) yang menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz berada pada aras sederhana tinggi (min=3.64, sisihan piawai=0.39). Implikasi daripada hasil tersebut menandakan bahawa aspek amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz masih memerlukan perhatian serius daripada pihak-pihak berkepentingan dalam penggubalan kurikulum tahfiz bagi memastikan lahirnya generasi tahfiz yang berakhlak mulia. Seterusnya, kajian Zainora et al. (2016b) juga menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir murid tahfiz iaitu seramai 22 orang yang kurang menitikberatkan pelaksanaan amalan-amalan sunat seperti solat sunat, puasa sunat, zikir dan sedekah. Tambahan pula, dapatan tersebut turut mencatatkan bahawa amalan bangun malam untuk menunaikan solat sunat hajat dan tahajud masih kurang dipraktikkan secara konsisten oleh pelajar tahfiz.

Sumber daripada Azrin (2018) juga menyatakan hal ini bahawa pada masa kini institusi pengajian tahfiz berdepan cabaran gejala sosial yang mencemarkan imej institusi agama dan pendidikan. Pelajar yang terlibat dalam buangan sekolah atau gagal meneruskan pengajian berisiko mengalami kemerosotan moral dan akhlak, serta mudah terjerumus ke dalam gejala sosial yang negatif.

Walaupun peningkatan jumlah kemasukan pelajar ke maahad tahfiz menunjukkan perkembangan positif, laporan kajian terdahulu mendapati masih berleluasa masalah berkaitan sahsiah pelajar seperti kes buli, merokok dan vandalisme dalam kalangan pelajar tahfiz (Nor Kamariah, 2013; Sinar Harian, 2019). Isu-isu ini menimbulkan kebimbangan meluas kerana ia mencerminkan kelemahan aspek sahsiah diri dalam kalangan pelajar tahfiz (Sinar Harian, 2020). Malah, meskipun banyak laporan media membangkitkan perkara tersebut, namun kajian empirikal masih amat kurang dan wajar diberi perhatian serius.

Salah satu kajian yang menyatakan kerisauan berkenaan adab pelajar tahfiz adalah hasil kajian (Santibuaana, 2022; Sharifah Noorhidayah et al., 2021) mendapati bahawa tahap amalan sunat pelajar tahfiz adalah sederhana. Keadaan ini tidak boleh dianggap remeh kerana pelaksanaan amalan sunat dapat meningkatkan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz (Sharifah Noorhidayah et al., 2021). Menurut Hussin et al. (2021) pula, cabaran dalam penerapan adab dan sikap di kalangan pelajar tahfiz masih ketara, khususnya merujuk kepada kajian yang dijalankan ke atas pelajar Sarjana Muda al-Quran (SMQ) di USIM. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah sikap malas dalaman yang wujud dalam kalangan pelajar, dengan 38% daripada 21 responden menyatakan perkara tersebut sebagai halangan terbesar dalam proses ulang hafazan al-Quran.

Selain itu, 28% daripada pelajar tersebut menyenaraikan kekangan masa sebagai faktor yang menjejaskan usaha mereka. Tambahan pula, kemajuan teknologi turut menambah dimensi cabaran terhadap pengulangan hafazan, di mana 19% pelajar berpendapat penggunaan gajet menjadi punca gangguan terhadap motivasi intrinsik mereka. Faktor-faktor lain yang turut

diutarakan termasuk kekangan dalaman diri, jadual harian yang padat, suasana rumah yang kurang kondusif, serta keadaan persekitaran yang tidak menyokong. Keadaan ini menekankan betapa pentingnya motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar SMQ untuk mengatasi pelbagai cabaran dalam proses pengulangan hafazan al-Quran dengan bijaksana.

Justeru implementasi adab secara mendalam menjadi indikator utama dalam membentuk pelajar tahfiz yang berkualiti dan memiliki sahsiah mulia. Harapan untuk menghasilkan generasi tahfiz yang unggul dari segi akhlak dan keperibadian tidak akan tercapai tanpa penghayatan agama yang mendalam dalam kalangan pelajar (Atikah Osman & Siti Aishah Yahya, 2018).

Keikhlasan, kesungguhan, kerinduan, serta penghayatan mendalam terhadap al-Quran merupakan faktor penentu dalam melahirkan al-hafiz dan al-hafizah yang istiqamah, menjadikan al-Quran terpahat kukuh dalam hati mereka dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT. Proses ulang kaji yang berterusan disertai dengan tadabbur ayat suci mampu mengukuhkan hafazan mereka secara signifikan.

Pelajar yang berdisiplin dalam mengulang hafazan berpotensi memberi impak yang besar terhadap kualiti penghafazan. Selain itu, bimbingan daripada guru serta sokongan daripada ibu bapa, sebagai pendidik utama dalam kehidupan anak, turut memainkan peranan penting dalam memberi motivasi dan kekuatan kepada pelajar untuk meneruskan usaha mengulang hafazan al-Quran.

Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui kajian perpustakaan yang menggunakan pendekatan analisis dokumen. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah analisis dokumen adalah kaedah untuk mendapatkan maklumat yang relevan daripada bahan bercetak dalam bentuk dokumen. Penyelidik memfokuskan pencarian bahan daripada buku, tesis, jurnal dan artikel berkenaan penerapan adab dan kepentingannya dalam pendidikan tahfiz. Jumlah sumber yang digunakan merangkumi himpunan bahan yang mencukupi bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang tajuk kajian.

Proses analisis data dijalankan melalui analisis kandungan menggunakan langkah awal dengan mengenal pasti kata kunci dan konsep utama seperti adab pelajar tahfiz, peranan guru dan kepentingan adab dalam proses menghafaz serta isu atau cabaran penerapan adab dalam pendidikan. Seterusnya kebolehpercayaan data dipastikan melalui semakan silang (*cross-checking*) antara pelbagai jenis sumber, penggunaan bahan berautoriti dan berwasiat. Kaedah ini selaras dengan pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2012) bahawa analisis dokumen memberi asas yang kukuh untuk memperoleh maklumat relevan secara sistematik.

Hasil Dapatan Kajian

Dalam subtopik ini, pengkaji mendapati pelaksanaan adab dalam pendidikan tahfiz memberikan pelbagai kesan positif. Hasil integrasi daripada rujukan-rujukan sebelum menunjukkan beberapa kepentingan implementasi adab dalam pendidikan tahfiz yang harus diperkukuhkan.

Kepentingan Adab dalam Hafazan al-Quran

Pembentukan sahsiah merupakan aspek kritikal yang perlu diutamakan dalam pendidikan kerana ia berkait rapat dengan kemajuan holistik pelajar (Zakaria Stapa et al., 2012; Safura et al., 2019). Oleh itu, adab berperanan sebagai elemen teras dalam proses penghafazan al-Quran kerana ia berimpak langsung kepada keberkatan ilmu dan keberkesanan hafazan itu sendiri. Pelajar tahfiz yang mengekalkan adab mulia seperti menghormati guru, menjaga kebersihan diri, sentiasa berwuduk, menghindari maksiat, serta mengamalkan doa dan ibadah sunat, lazimnya menunjukkan prestasi hafazan yang lebih stabil dan berkualiti tinggi.

Menurut Azmil Hashim et al. (2014), terdapat korelasi signifikan antara amalan adab pelajar dengan pencapaian hafazan mereka iaitu pelajar yang mempraktikkan adab pembelajaran cenderung memperoleh keputusan hafazan yang lebih memberangsangkan. Tambahan pula, Hussin et al. (2021) menegaskan bahawa motivasi dalaman pelajar untuk menghafaz al-Quran dapat diperkukuh melalui penerapan nilai-nilai adab. Adab membentuk sikap hormat terhadap ilmu dan guru, serta mewujudkan suasana pembelajaran yang tenang, disiplin dan kondusif. Hal ini sejajar dengan penemuan Yusof dan Ahmad (2022) yang menekankan bahawa faktor-faktor adab seperti niat ikhlas, penghormatan terhadap mushaf al-Quran dan pengurusan waktu hafazan yang teratur memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan hafazan serta daya ingatan yang berpanjangan. Kajian-kajian ini secara konsisten menunjukkan bahawa adab berfungsi sebagai pemangkin utama dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz.

Azmil Hashim et al. (2014) juga mendapati bahawa pelajar yang mematuhi adab seperti menghormati guru, menjaga etika terhadap al-Quran dan mempraktikkan etika pembelajaran mampu mencapai prestasi hafazan yang lebih konsisten dan mantap. Dapatan ini diperkukuh lagi oleh Yusof dan Ahmad (2022), yang menyatakan bahawa pelajar yang menjaga wuduk, menjauhi maksiat, serta membaca doa sebelum menghafaz mempunyai daya ingatan yang lebih kukuh dan mampu mengekalkan hafazan dalam jangka masa panjang.

Selain itu, Hussin et al. (2021) menyoroti bahawa amalan adab turut menyumbang kepada peningkatan motivasi intrinsik pelajar tahfiz. Pelajar yang mengamalkan adab dilaporkan menunjukkan tahap fokus, kesabaran dan ketahanan mental yang lebih tinggi, sekalipun berhadapan dengan cabaran seperti tekanan akademik dan kekurangan sokongan persekitaran. Rahman dan Ismail (2021) menambah bahawa disiplin diri yang termanifestasi dalam bentuk pemeliharaan waktu hafazan memainkan peranan penting dalam membentuk rutin hafazan yang sistematik dan berkesan.

Dapatan kajian turut mengukuhkan bahawa amalan adab menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Muslim et al. (2023) menegaskan bahawa pelajar yang dibimbing berteraskan adab mempamerkan rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap hafazan, kecintaan mendalam terhadap al-Quran, serta hubungan yang lebih erat dengan Allah SWT dan masyarakat sekeliling.

Kesimpulannya, penerapan adab bukan sahaja menyumbang kepada kecemerlangan akademik dalam bidang tahfiz, malah berperanan penting dalam pembentukan sahsiah unggul berasaskan nilai-nilai Islam. Dengan itu, proses penghafazan al-Quran bukan sahaja menjadi aktiviti pembelajaran semata-mata, tetapi turut merupakan ibadah yang menyeluruh selari dengan pembinaan akhlak dan jiwa pelajar yang seimbang.

Perbincangan

Kaedah Memperkukuh Penerapan Adab dalam Pendidikan Tahfiz

Integrasi Adab dalam Kurikulum Pengajaran

Kurikulum tahfiz harus memasukkan modul adab secara formal sebagai komponen wajib, bukan sekadar nilai sampingan. Modul tersebut harus merangkumi aspek adab terhadap guru, etika ketika menghafaz, interaksi dengan rakan sebaya, serta penghormatan terhadap al-Quran. Pendekatan ini akan memudahkan pelajar memahami dan menghayati adab secara sistematik dan holistik (Yusof & Ahmad, 2022).

Teladan dan Kepimpinan Guru

Guru perlu berperanan sebagai teladan akhlak dan adab yang konsisten kepada pelajar. Penerapan adab menjadi lebih efektif apabila pelajar melihat contoh yang nyata dalam tingkah laku, tutur kata, cara berpakaian serta interaksi guru. Sikap beradab guru memberikan impak mendalam dalam pembentukan sahsiah pelajar (Aznil Hashim et al., 2014). Hal ini sejajar dengan penemuan Zainora Daud et al. (2016) yang menegaskan bahawa guru memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar tahfiz agar memiliki sahsiah unggul, dengan penekanan berterusan terhadap aspek akhlak di setiap maahad tahfiz.

Penerapan Melalui Aktiviti Harian dan Amalan

Menurut Aznil Hashim (2014) aspek adab perlu dimurnikan dan diperkukuhkan melalui amalan harian dalam kalangan pelajar tahfiz. Ini termasuk rutin membaca doa sebelum dan selepas kelas, menjaga kebersihan peribadi, saling bersalaman dengan guru dan memulakan sesi hafazan dengan berwuduk. Penyataan ini disokong oleh Rahman & Ismail (2021) yang menyatakan amalan berterusan ini melatih pelajar menghayati adab dalam konteks praktikal seharian.

Latihan dan Bengkel Pengukuhan Adab

Program berkala seperti bengkel adab, kem motivasi dan kelas pembangunan sahsiah harus diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan penghayatan pelajar terhadap nilai adab. Penglibatan ibu bapa dalam program ini adalah penting agar nilai adab yang diajar di institusi dapat disokong dan diperkukuh di rumah (Hussin et al., 2021). Noor Hafizah et al. (2019) turut mencadangkan pelaksanaan program kerohanian seperti puasa, wirid, ratib, bacaan al-Quran dan solat sebagai elemen penting dalam pembentukan sahsiah. Selain itu, Siti Aisyah dan Latifah (2017) menekankan perlunya pelbagai aktiviti seperti solat berjemaah, solat sunat, berzikir selepas solat dan bacaan al-Quran serta forum dan ceramah berkala sebagai medium penyebaran kesedaran adab.

Pemantauan dan Penilaian Sahsiah

Institusi tahfiz digalakkan mewujudkan sistem pemantauan dan penilaian sahsiah pelajar secara berkala. Laporan penilaian adab hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian daripada rekod akademik pelajar bagi menegaskan bahawa aspek adab mempunyai kedudukan setaraf dengan pencapaian hafazan (Muslim et al., 2023).

Persekitaran yang Menyokong Amalan Adab

Persekitaran fizikal dan sosial di institusi tahfiz harus dirancang untuk menyokong pengamalan adab, contohnya dengan membina budaya saling menghormati, memasang papan tanda yang

mengingatnkan adab, serta menyediakan ruang khusus yang kondusif dan bersih untuk ibadah sunat dan sesi murajaah (Ishak & Ibrahim, 2019).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, adab bukan sekadar elemen tambahan dalam proses hafazan al-Quran, bahkan ia merupakan tunjang utama yang menyumbang kepada kejayaan holistik pelajar tahfiz. Institusi tahfiz harus menginternalisasikan penghayatan adab sebagai satu dimensi yang diterapkan dalam setiap lapisan kurikulum serta amalan harian pelajar. Justeru pendekatan sistematik yang memupuk budaya pembelajaran berasaskan adab secara konsisten harus diperkukuhkan kerana ia mampu melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja cemerlang dari segi penguasaan hafazan, tetapi juga kukuh dalam pembentukan sahsiah dan keperibadian berteraskan nilai-nilai Islam.

Keterkaitan yang intim antara adab dan keberkesanan hafazan juga mempertegaskan bahawa pendidikan adab harus dijadikan asas dalam pembentukan jati diri pelajar tahfiz. Penekanan terhadap adab bukan sahaja memudahkan pelajar mengekalkan dan memperkukuh hafazan mereka secara berkesan, malah turut membina mereka sebagai individu berakhlak mulia yang mampu menjadi teladan dan pemangkin perubahan positif dalam masyarakat. Oleh itu, institusi pendidikan tahfiz wajib menjadikan pengukuhan adab sebagai agenda utama yang berterusan dan menyeluruh agar hasil pendidikan yang dicapai melangkaui kecemerlangan akademik semata-mata dan turut merangkumi pembangunan sahsiah yang seimbang.

Secara keseleuruhannya dapat dilihat bahawa pelajar tahfiz yang unggul dari segi hafazan dan sahsiah adalah manifestasi utama aspirasi pendidikan tahfiz yang selaras dengan visi negara dalam menghasilkan generasi pewaris bangsa yang berdaya saing, berintegriti dan berwawasan sebagaimana yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dalam konteks ini, minat yang mendalam terhadap proses hafazan serta sokongan moral dan emosional yang berterusan daripada keluarga, pendidik, dan rakan sebaya harus diperkukuh secara holistik. Tambahan pula, penghayatan agama yang mendalam dalam kalangan pelajar merupakan pemangkin utama yang melengkapi usaha pembinaan kecemerlangan sahsiah, sekaligus menjamin kesinambungan dan kejayaan jangka panjang dalam pendidikan tahfiz.

Rujukan

- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad dan Idris Ismail. (2003). Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Abdul Latiff, M. I., & Jaafar, N. . (2024). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Proses Perkembangan Dan Cabaran: Tahfiz Institutions in Malaysia: Development Process and Challenges.QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari, 7(2), 54–63.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2002). Panduan Bagi Hafiz-hafizah & Qari-qariah. Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Al-Ghautsani, Yahya ‘Abdurrazzaq (2014). Cara Mudah Dan Cepat Menghafal Al-Quran (Zulfan S.T, Trans.). Pustaka Imam Asy-Syafi’i.
- Al-Nawawi. (2017). At-Tibyan fil Adab Hamaltil Quran (Terjemahan). Telaga Biru, Shah Alam.
- Al-Nawawi. (1992). At-Tibyan Fi Adabi Hamlatil Quran.
- Al-Qabisi, A. A. A. (1986). Al-risalah al-mufasssolah li ahwal al- muta’alimin wa ahkam almua’alimin wa al-muta’alimin (1st ed.). Tunisia: Al-Syirkah al-Tunisiyyah li al-Tauzi’.
- Ariffin, S., Abdullah, M., & Ahmad, K. (2016). Implementation of Othman method on memorization the Quran: A study in Sulaymaniyyah Institute Malaysia. In 16th International Conference on Business Economics, Social Science & Humanities, (1-10).
- As-Syarbini. (2004). Qasdu As-Sabil ila Al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran. Dar Ibnu Kathir.
- Azmil Hashim, & Misnan Jemali. (2015). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Quran Para Pelajar. Jurnal Perspektif, 6(2), 15–25.
- Atikah Osman & Siti Aishah Yahya. (2018). Hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah sukan. Jurnal Maw’izah 1(1), 154–165.
- Azhari, P., Khasanah, U., & Hidayat, H. M. Y. (2022). Implementasi penanaman adab dalam pembelajaran jarak jauh di pondok pesantren tahfidzul Qur’an. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 1(2), 131–138.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri dan Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.
- Erwahyudin, D. D. (2019). *Implementasi pendidikan adab pada program tahfidz al-Qur’an: Studi multikasus di MI Muhammadiyah 6 Nglegok Jenangan Ponorogo dan MI Muhammadiyah Dolopo Kabupaten Madiun* (Tesis Sarjana, Universitas Muhammadiyah Ponorogo).
- Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib, & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2018). Pembelajaran Murid Tahfiz Sekolah Agama Kerajaan Di Malaysia: Bentuk Adab dan Amalan Murid Yang Dilaksanakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 18–30.
- Ghazali, M. R., & Hamzah, A. (2022). Tinjauan terhadap tiga model pembelajaran hafazan alQuran dan sinerginya ke arah melahirkan generasi Hamalatul Quran garapan MARA. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 156-172.
- Hussin, H., Ahmad, A. R., & Saleh, M. H. (2021). Motivasi intrinsik: Isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar USIM. *Jurnal Qiraat*, 4(2), 75–83.
- Hussin, H., Ahmad, A. R., & Saleh, M. H. (2021). Motivasi intrinsik: Isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar USIM. *Jurnal Qiraat*, 4(2), 75–83.

- Imam, A. H. (2021). Pemikiran pengajaran dan pendidikan anak menurut al-Qabisi. Misykah: Jurnal Pendidikan dan Studi Islam, 6(1), 1-12.
- Intan Zakiah Jamaluddin. (2018). Pengaruh Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi Latihan Dan Strategi Menghafaz Al-Quran Terhadap Pencapaian Subjek Hifz Al-Qur'an Pelajar Tahfiz Di Malaysia. Universiti Utara Malaysia.
- Ishak, Z., & Ibrahim, N. (2019). Pelaksanaan kurikulum tahfiz: Isu dan cabaran dalam pembinaan akhlak pelajar. *Jurnal Penyelidikan Islamik*, 5(2), 35–46.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT): Buku panduan pelaksanaan*. Bahagian Pendidikan Islam, KPM.
- Khaled, M. (2018). Pelaksanaan modul sahsiah unggul murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Latipah, E. (2022). Motives, self-regulation, and spiritual experiences of hafizh (The Qur'an memorizer) in Indonesia. *International Journal of Instruction*, 15(1), 653-672.
- Majdi Ubaid. (2014). 9 Langkah Mudah Menghafal Al-Quran (Firman Arifianto, Ed.; Ikhwanuddin & Rahmad Arbi Nur Shaddiq, Trans.). PT Aqwam Media Profetika.
- Mohamad Rasyidi Ghazali & Aswati Hamzah. (2022). Tinjauan Terhadap Tiga Model Pembelajaran Hafazan al-Quran dan Sinerginya ke Arah Melahirkan Generasi Hamalatul Quran Garapan MARA. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3):166-172
- Muslim, F. R., Tumiran, M. A., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2023). Interpretasi kontemporari pembinaan adab menerusi teori pendidikan tahfiz al-Qabisi di Malaysia. *E-Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 1–15.
- Muslim, F. R., Tumiran, M. A., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2023). Interpretasi kontemporari pembinaan adab menerusi teori pendidikan tahfiz al-Qabisi di Malaysia. *E-Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 1–15. https://ejssh.uitm.edu.my/images/Vol7Apr23/ISL21007_EJSSHVOL7_1_APRIL2023.pdf
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2019). Penerapan elemen kerohanian terhadap remaja berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 87–98.
- Nor Kamariah. (2013). Integrasi Pengajian Tahfiz al-Quran dan akademik di Maahad Hafiz Klang. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, A. A., & Ismail, N. (2021). Bentuk adab dan amalan murid yang dilaksanakan dalam pembelajaran tahfiz. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(43), 1–10. <https://gaexcellence.com/ijepc/article/view/2815>
- Salleh, I. (2020). Pelaksanaan kaedah hifz al-Quran kajian kes di SMKA Kedah tahfiz model Ulul Albab. In N. Omar et al. (Eds.), 7th International conference on Islamic education, 139-152. Bandar Baru Bangi: Association of Malaysian Muslim Intellectuals.
- Santibuaana Abd Rahman. (2022). *Pengaruh hafazan al-Quran terhadap kecerdasan intelek (IQ), kualiti hidup, status kesihatan dan aktiviti otak dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor* [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar @ Johari Mastor, & Izuli Dzulkifli. (2021). Pelaksanaan amalan sunat dan hubungannya dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 77–90.
- Sinar Harian. (2019). Kecoh kes buli di Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah. <https://www.sinarharian.com.my/article/52748/EDISI/Selangor-KL/Kecoh-kes-buli-diTahfiz-Darul-Quran-Ittifaqiyah> [18 Oktober 2019].

- Sinar Harian. (2020). Pitas pandang serius kes buli di Tahfiz. <https://www.sinarharian.com.my/article/73643/EDISI/Selangor-KL/Pitaspandang-serius-kes-buli-di-tahfiz> [13 Mac 2020].
- Siti Aisyah Kamaruddin & Latifah Abdul Majid. (2017). Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Journal Al-Turath; Journal of al-Quran and Al-Sunnah*, 2(2), 31-37.
- Yusof, N. M., & Ahmad, A. (2022). Etiquette factors of Quran memorization for Tahfiz students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 123–135. <https://www.researchgate.net/publication/367051444>
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim Ahmad dan Nurfatihah Mohd Dzahir. (2016a). Penghayatan konsep hamlah Al-Quran dari perspektif adab dan akhlak dalam kalangan huffaz: Satu kajian untuk pengukuhan hafazan. Dalam Zulkifli Mohd Yakub Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad. (Ed.). (2016). *Memperkasa generasi penghafaz Al-Quran*. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal Special Edition*, 155-172.